

KONGRES—MAHATHIR

1980

KUALA LUMPUR, 1 JUN (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KERAJAAN TIDAK KIRA APA MATLAMAT YANG DITETAPKAN UNTUK DASAR EKONOMI BARU ASALKAN IA BOLEH DICAPAI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN MENEGASKAN KERAJAAN PERLU BERCERMAT DAN BERHATI-HATI DALAM MENENTUKAN MATLAMAT TERSEBUT.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA DIMINTA MENGULAS SATU SYUR YANG DITIMBUKAN DI KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA YANG KETIGA DI SINI YANG MEMINTA KERAJAAN MENAIKKAN MATLAMAT DEB DARI SEKURANG-KURANGNYA 30 PERATUS KEPADA 51 PERATUS.

DALAM SATU TAKLIMAT RENGKAS KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEM-
Pengerusikan sidang pleno kongres itu, beliau menegaskan: +JIKA
KITA MELETAKKAN MATLAMAT ITU TERLALU TINGGI, KITA MUNGKIN
TIDAK LANGSUNG DAPAT MENCAPAINYA.+ 103

+OLEH ITU MARILAH KITA BERSIKAP REALISTIK MENGENAI APA YANG BOLEH
KITA LAKUKAN DAN MEMPUNYAI PERSPEKTIF YANG WAJAR.+

+KITA MESTI BERSIKAP REALISTIK MENGENAI APA YANG BOLEH KITA
CAPAI DAN KITA PERLU MENENTUKAN MATLAMAT KITA SECARA REALISTIK,+
TEGASNYA. — BERSAMBUNG 1554/A1

KONGRES—MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN UMNO
MEMBERI JAMINAN KERAJAAN AKAN MEMBINCANGKAN CARA YANG PALING BER-
KESAN UNTUK MENGAJAI SEGALA RUMUSAN KONGRES.

KATANYA, KAJIAN YANG TERPERINCI PERLU DIJALANKAN KERANA
SETENGAH-SETENGAH CADANGAN ATAU CARA-CARA YANG DISYURKAN TELAH PUN
DILAKSANAKAN.

SELAIN ITU ADA JUGA CADANGAN-CADANGAN YANG JIKA DILAKSANAKAN
MUNGKIN MERUGIKAN KAUM BUMIPUTERA SENDIRI, TEGASNYA.

OLEH ITU, JELASNYA, SEMUA CADANGAN TERSEBUT PERLU DIKAJI
DENGAN TELITI UNTUK MEMASTIKAN SAMADA IA BOLEH ATAU TIDAK DI-
LAKSANAKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU PADA UMIMNYA KEBANYAKAN
DARI PANDANGAN-PANDANGAN DAN USUL-USUL YANG DISUARAKAN DALAM KONGRES
ADALAH PERKARA-PERKARA BARU DAN KEBANYAKANNYA TERTUMPU KEPADA
PERANAN KERAJAAN.

LAIN-LAIN USUL-USUL DITUMPUKAN TERHADAP KERAJAAN-KERAJAAN
NEGERI, AGENSI-AGENS! KERAJAAN DAN PARA PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERA-
JAAN.

ADA JUGA PANDANGAN YANG DITUMPUKAN KEPADA PARA PENGUSAHA
BUMIPUTERA SENDIRI. —BERSAMBUNG 1629/AH

KONGRES—MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

DALAM HAL INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYEBUT SATU PANDANGAN YANG DISUARAKAN OLEH NAIB CAHSELOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA PROF. TAN SRI AINUDDIN WAHID MENGENAI SIKAP DAN PENDIRIAN PARA PENGUSAHA DAN PENIAGA BUMIPUTERA.

PROF. TAN SRI AINUDDIN YANG MENYUARAKAN PANDANGAN INI DALAM BENGKEL MENGENAI +LATIHAN DAN TENAGA KERJA+ TELAH MENARIK PERHATIAN KEPADA BETAPA PENTINGNYA PENGUSAHA BUMIPUTERA MEMPUNYAI SIKAP MENJAYAKAN DIRI.

SIKAP INI ADALAH BERASASKAN KEPADA AJARAN-AJARAN ISLAM DAN BELIAU TELAH MEMBERIKAN HADIS NABI DAN LAIN-LAIN CONTOH YANG DIANGGAP KENA PADA TEMPATNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN KERAJAAN MENYEDARI HAKIKAT INI DAN BERPENDAPAT SEGALA USAHANYA UNTUK MEMBANTU BUMIPUTERA TIDAK AKAN BERJAYA JIKA KAUM BUMIPUTERA SENDIRI TIDAK MEMBERIKAN KERJASAMA MEREKA.

KERJASAMA INI ADALAH PERLU DARI SEGI MENGGUNAKAN SEBAIK-BAIKNYA SEGALA LAYANAN DAN KEMUDAHAN YANG DIBERIKAN OLEH KERAJAAN KEPADA MEREKA, TEGASNYA. —BERSAMBUNG 1635/AH

B559
KONGRES—MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDASTERIAN MENSIFATKAN USUL-USUL KONGRES ITU SEBAGAI BERNAS DAN HARUS DIPERTIMBANGKAN PELAKSANAANNYA.

KERAJAAN, KATANYA, MENERIMA BAIK SEGALA CADANGAN TERSEBUT TETAPI IA PERLU DIKAJI SECARA TERPERINCI TERLEBIH DAHULU UNTUK MENENTUKAN SAMADA IA BOLEH DILAKSANAKAN ATAU TIDAK.

SELAIN ITU, KERAJAAN JUGA MENGANGGAP KONGRES ITU SEBAGAI SATU CARA YANG BERKESAN UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMBALAS MENGENAI PENCAPAIAN-PENCAPAIAN DEB SETAKAT INI.

BELIAU JUGA MENSIFATKAN MUTU PARA PESERTA DI KONGRES KALI INI LEBIH TINGGI DARI KONGRES-KONGRES YANG LALU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MEMPENGERUSIKAN SIDANG-SIDANG PLENO MENGENAI LIMA KERTAS KERJA—KEWANGAN/PELABURAN, PEMBORONG/PEMBINAAN, KEHUTANAN, PERLOMBONGAN DAN PEKERJAAN/TENAGA KERJA/LATIHAN.
—BERNAMA 1640/AH